



PENGGUNAAN TEKNOLOGI “GOOGLE CLASSROOM” DALAM KALANGAN GURU BAHASA IBAN SEKOLAH RENDAH

THE USE OF GOOGLE CLASSROOM TECHNOLOGY AMONG PRIMARY SCHOOL IBAN LANGUAGE TEACHER

Paul Anak Sabok^{1*}, Hazrati Husnin²

¹ Department of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: paulsabok@gmail.com

² Department of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: haztari@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 23.06.2025

Revised date: 15.07.2025

Accepted date: 21.08.2025

Published date: 17.09.2025

To cite this document:

Anak Sabok, P., & Husnin, H. (2025).
Penggunaan Teknologi “Google
Classroom” Dalam Kalangan Guru
Bahasa Iban Sekolah Rendah.
*International Journal of Modern
Education*, 7 (26), 913-932.

DOI: 10.35631/IJMOE.726061

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan menganalisis tahap penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah di daerah Kanowit, Sarawak. Seramai 35 orang guru terlibat sebagai responden kajian melalui instrumen soal selidik. Dapatan menunjukkan bahawa tahap penggunaan *Google Classroom* berada pada tahap sederhana, khususnya dari segi persepsi kemanfaatan dan kemudahan, di samping sikap positif guru terhadap penggunaannya. Analisis turut mendapati wujud hubungan positif yang signifikan antara persepsi kemanfaatan, kemudahan, dan sikap guru terhadap penggunaan platform ini. Implikasi kajian menegaskan kepentingan sokongan berterusan daripada pihak pentadbir sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam bentuk latihan, infrastruktur, serta strategi pedagogi yang berkesan bagi memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban melalui integrasi teknologi digital secara optimum.

Kata kunci:

Google Classroom; Guru Bahasa Iban; Sekolah Rendah

Abstract:

This study aims to analyse the level of *Google Classroom* usage among primary school Iban language teachers in the Kanowit district, Sarawak. A total

of 35 teachers participated as respondents through a questionnaire instrument. The findings indicate that the level of *Google Classroom* usage is at a moderate level, particularly in terms of perceived usefulness and perceived ease of use, alongside teachers' positive attitudes towards its application. The analysis also reveals a significant positive relationship between perceived usefulness, perceived ease of use, and teachers' attitudes towards using the platform. The implications of the study highlight the importance of continuous support from school administrators and the Ministry of Education Malaysia in the form of training, infrastructure, and effective pedagogical strategies to strengthen the teaching and learning of the Iban language through optimal integration of digital technology.

Keywords:

Google Classroom; Iban Language Teachers; Primary School

Pengenalan

Dalam era digital yang semakin berkembang, penggunaan teknologi dalam pendidikan telah menjadi suatu keperluan untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. *Google Classroom*, sebagai salah satu platform pembelajaran dalam talian yang telah digunakan secara meluas oleh para pendidik untuk memudahkan interaksi dan pengurusan bahan pengajaran. Ia juga menawarkan pelbagai kemudahan untuk guru dan murid. Di Malaysia, kajian mengenai keberkesanan *Google Classroom* dalam pengajaran bahasa telah banyak dilakukan, terutamanya dalam konteks pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Namun demikian, kajian yang menumpukan kepada penggunaan *Google Classroom* dalam pengajaran Bahasa Iban masih terhad. Bagi guru Bahasa Iban di sekolah rendah kebangsaan, penggunaan *Google Classroom* membawa cabaran tersendiri kerana kekangan bahan pengajaran digital dalam bahasa ibunda, selain isu capaian internet di kawasan luar bandar (Lian & Puteh, 2022). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti tahap penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban di daerah Kanowit, Sarawak, serta mengenal pasti hubungan antara persepsi kemanfaatan, kemudahangunaan, dan sikap terhadap penggunaannya. Dalam konteks pengajaran Bahasa Iban juga, penggunaan *Google Classroom* berpotensi untuk memperbaiki penglibatan murid dan meningkatkan pencapaian akademik. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan penggunaan *Google Classroom* di kalangan guru bahasa Iban terhadap pengajaran subjek bahasa Iban di sekolah rendah.

Dalam konteks Malaysia, penerimaan terhadap *Google Classroom* adalah positif. Kajian oleh Tahir et al. (2022) menyatakan bahawa guru telah mengadaptasi platform ini dalam PdP formal, terutamanya di fasa awal pandemik. Sementara itu, Maheran Zakaria et al. (2021) mengkaji manfaat dan cabaran penerimaan *Google Classroom* di kalangan pensyarah universiti, dengan analisis menggunakan Model Penerimaan Teknologi (TAM). Mereka mengenal pasti tema seperti kemanfaatan, kemudahan penggunaan, serta kepuasan proses sebagai faktor utama; namun, juga menekankan cabaran seperti penglibatan pelajar dan kondisi fasiliti (Maheran Zakaria et al., 2021).

Walaupun banyak kajian menumpu kepada sektor pendidikan tinggi dan bahasa utama, kajian terhadap penggunaan *Google Classroom* oleh guru bahasa etnik minoriti seperti Bahasa Iban masih kurang wujud. Ini menimbulkan persoalan khas, kerana cabaran seperti kekurangan

bahan digital dalam bahasa ibunda dan capaian infrastruktur di kawasan luar bandar boleh mempengaruhi tahap penggunaan dan persepsi guru.

Sorotan Literatur

Penggunaan *Google Classroom* dalam pengajaran subjek Bahasa Iban di sekolah rendah telah menjadi fokus kajian yang semakin meningkat, terutamanya selepas pandemik COVID-19 yang memaksa perubahan dalam pendekatan pengajaran. Berdasarkan Teori pembelajaran konstruktivisme yang diasaskan oleh Vygotsky, menggambarkan pembelajaran sebagai proses yang aktif di mana pelajar membina pengetahuan mereka melalui interaksi dengan guru dan rakan sebaya. Dengan menggunakan *Google Classroom*, pelajar berpeluang berkolaborasi dalam projek, berbincang dalam forum, dan menerima maklum balas daripada guru dengan cara yang memupuk pembelajaran berasaskan pengalaman. Ini sangat relevan dalam pengajaran Bahasa Iban di mana interaksi sosial dan konteks budaya adalah penting. ia menekankan bahawa pelajar membina pengetahuan melalui pengalaman dan interaksi.

Google Classroom juga menyediakan persekitaran yang membolehkan pelajar berkolaborasi dan berinteraksi dengan bahan pembelajaran, yang dapat meningkatkan pemahaman mereka terhadap subjek Bahasa Iban. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan platform ini dapat memperkukuh pembelajaran kolaboratif di kalangan pelajar. Menurut Karp (2022), penggunaan *Google Classroom* membolehkan pelajar terlibat secara aktif melalui perbincangan dalam talian dan kolaborasi, yang menggalakkan mereka membina pengetahuan mereka sendiri, khususnya dalam mata pelajaran bahasa.

Jean Piaget dan Jerome Bruner, menekankan proses mental yang terlibat dalam pembelajaran. Dalam konteks *Google Classroom*, teori ini dapat membantu menjelaskan bagaimana pelajar memproses maklumat dan berinteraksi dengan bahan pembelajaran dalam talian, yang dapat memperkuat pemahaman mereka tentang subjek Bahasa Iban. Platform dalam talian yang interaktif dapat mempercepat proses kognitif pelajar dan meningkatkan keupayaan mereka untuk menyerap dan mengaplikasikan pengetahuan baru.

Kajian oleh Jamilah dan Mohamad (2022) meneliti hubungan antara penggunaan *Google Classroom* dan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Iban. Penemuan menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan *Google Classroom* memiliki tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding mereka yang mengikuti pembelajaran tradisional. Pembelajaran dalam talian membolehkan pelajar belajar pada tempo mereka sendiri, yang meningkatkan motivasi intrinsik. Antara pembolehubah yang dikaji ialah motivasi pelajar, pembelajaran dalam talian dan mengaitkannya dengan penggunaan *Google Classroom* dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam pelajaran Bahasa Iban, yang seterusnya mungkin mempengaruhi prestasi mereka.

Akses kepada sumber pembelajaran digital adalah penting untuk pengajaran yang berkesan. *Google Classroom* membolehkan guru untuk menyediakan pelbagai bahan pembelajaran yang dapat diakses oleh pelajar di mana sahaja. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai akses kepada sumber yang pelbagai lebih cenderung untuk memahami dan menguasai subjek. Selain dari itu, Kesedaran digital menjadi kunci dalam pengajaran dan pembelajaran. Chen et al. (2022) menjelaskan bahawa pelajar perlu memiliki literasi digital untuk memanfaatkan *Google Classroom* secara efektif. Mereka menunjukkan bahawa

kemahiran ini membantu pelajar dalam pengendalian tugas dan interaksi dalam konteks pembelajaran Bahasa Iban.

Rahman dan Azmi (2023) mengkaji pembelajaran digital dalam konteks pendidikan bahasa, menekankan bagaimana *Google Classroom* memberi kesan positif kepada perkembangan kemahiran digital pelajar. Kesedaran dan kemahiran digital dilaporkan meningkat di kalangan pelajar yang menggunakan platform ini untuk pembelajaran Bahasa Iban. Pemboleh ubah yang dikaji ialah kemahiran digital, pembangunan peribadi pelajar yang mengaitkan penggunaan *Google Classroom* secara langsung mendorong perkembangan kemahiran digital, yang penting untuk pembelajaran Bahasa Iban dan juga untuk kemahiran kehidupan masa depan pelajar.

Bandura (1977) menyatakan bahawa pembelajaran berlaku melalui pemerhatian. Kelebihan *Google Classroom* di dalam membantu pelajar belajar melalui contoh tindakan rakan sebaya diperlihatkan oleh model yang sedang berkembang. Penyelidikan terbaru oleh Misra dan Gupta (2023) menunjukkan bahawa *Google Classroom* dapat meningkatkan pembelajaran sosial melalui interaksi dan umpan balik yang berdasarkan Teori Sosial (Bandura).

Interaksi antara guru dan pelajar juga adalah penting dalam pembelajaran dalam talian. *Google Classroom* kerana menyediakan saluran untuk komunikasi yang berkesan, membolehkan pelajar mendapatkan maklum balas segera daripada guru mereka. Penyelidikan menunjukkan bahawa komunikasi yang baik dalam talian dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar. Dengan ini juga Motivasi pelajar memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran. Menurut Islam dan Noor (2023), penggunaan alat digital seperti *Google Classroom* dapat meningkatkan motivasi intrinsik pelajar dalam pembelajaran Bahasa Iban, kerana mereka merasa lebih terlibat dan diberi pilihan dalam cara mereka belajar.

Keberkesanan *Google Classroom* dalam mengoptimalkan proses pembelajaran diperkuat oleh kajian oleh Gill dan Kaur (2023), yang menunjukkan peningkatan dalam pencapaian pelajar di sekolah rendah ketika menggunakan platform ini dalam pengajaran. Mereka menyatakan bahawa inovasi digital ini memungkinkan pelajar mengakses sumber dengan lebih mudah dan meningkatkan pemahaman mereka.

Selain itu, *Google Classroom* membolehkan guru untuk mengintegrasikan aktiviti dalam talian dengan pengajaran di bilik darjah, yang boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. Penyelidikan terkini menunjukkan bahawa model ini dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar dalam subjek yang diajar. Penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah penting untuk meningkatkan kualiti pengajaran. *Google Classroom* menawarkan pelbagai alat yang membolehkan guru untuk memudahkan proses pembelajaran. Menurut kajian, teknologi dalam pendidikan dapat mengubah cara guru mengajar dan pelajar belajar, yang membawa kepada peningkatan dalam hasil pembelajaran.

Tan dan Ahmad (2024) mengkaji bagaimana *Google Classroom* mempengaruhi interaksi antara guru dan pelajar dalam konteks pembelajaran Bahasa Iban. Penemuan menunjukkan bahawa platform ini menambah baik interaksi pelajar dengan guru dan rakan sebaya melalui forum, chat, dan tugas berkumpulan. Pemboleh ubah yang dikaji ialah interaksi pelajar dan guru, pengalaman pembelajaran yang berkaitan dengan peningkatan interaksi dalam penggunaan *Google Classroom* dapat memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar dalam penguasaan Bahasa Iban.

Keterlibatan pelajar dalam proses pembelajaran adalah faktor utama dalam kejayaan akademik. Platform seperti Google Classroom dapat meningkatkan keterlibatan pelajar melalui aktiviti interaktif dan tugas yang menarik. Penyelidikan menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat secara aktif dalam pembelajaran menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam ujian dan tugasan. Menurut Adnan dan Sulaiman (2024), penglibatan yang tinggi dapat dilihat dalam pelajar Bahasa Iban yang menggunakan *Google Classroom* berbanding dengan kaedah tradisional. Kajian mereka menunjukkan bahawa elemen interaktif di dalam platform mendorong pelajar untuk berpartisipasi secara aktif.

Penggunaan Google Classroom di kalangan guru Bahasa Iban di sekolah rendah memberikan banyak manfaat dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun, adalah penting untuk menangani cabaran yang ada agar kesan positifnya dapat dimaksimumkan.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilakukan dengan mengemukakan borang soal selidik untuk menganalisis penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah di Daerah Kanowit dan melihat jika terdapat hubungan antara kemanfaatan dan kemudahan dengan kecenderungan sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom*. Kajian ini berbentuk kuantitatif. Kajian juga telah dilaksanakan dalam tempoh beberapa bulan, merangkumi fasa persediaan, pengumpulan data, analisis data, dan penulisan laporan. Pengumpulan data utama dilakukan dalam tahun semasa kajian dijalankan, selepas instrumen soal selidik dimuktamadkan.

Menurut Ghazali dan Sufean (2016), kajian kuantitatif merupakan proses penghasilan laporan ilmiah bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang telah dikenalpasti dan proses kajian ini mempunyai peraturan tertentu. Ia juga satu pendekatan yang boleh mengumpul data dan seterusnya digunakan untuk menjawab sebarang persoalan kajian yang diutarakan oleh penyelidik.

Sehubungan itu, kaedah penyelidikan kuantitatif ialah penyelidikan yang menggunakan instrumen soal selidik serta melibatkan pengukuran pembolehubah kajian melalui huraian statistik. Terdapat beberapa ciri dalam penyelidikan kuantitatif menurut Ghazali dan Sufean (2016) iaitu :

- i. Fungsi penyelidikan kuantitatif adalah untuk membuat deskriptif, inferensi, meramal dan menguji secara statistik.
- ii. Matlamat penyelidikan kuantitatif adalah untuk melihat atau menguji hubungan antara pembolehubah-pembolehubah serta membuat telahan awal.
- iii. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif mempunyai bentuk yang lebih berstruktur, tetap, lebih formal, spesifik dan terperinci dengan maklumat, jadual dan rajah serta laporan.
- iv. Sampel kajian adalah besar dan banyak. Sampel dipilih secara rawak berdasarkan objektif dan persoalan kajian bagi mewakili

populasi.

- v. Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik dan ujian yang bersesuaian.
- vi. Analisis data menggunakan statistik daripada deduktif (am) kepada induktif (khusus).
- vii. Dapatan kajian dihuraikan secara deskriptif atau inferensi berdasarkan nilai signifikan pada aras tertentu.
- viii. Kaedah kajian kuantitatif bergantung kepada objektif kajian yang ingin dikemukakan oleh penyelidik.
- ix. Instrumen kajian dalam kuantitatif merupakan alat kajian yang penting dalam menjawab objektif sesuatu kajian.
- x. Pendekatan dalam kuantitatif bergantung kepada objektif kajian yang ingin dilaksanakan oleh penyelidik seperti eksperimen, data, fakta sosial, menggunakan statistik dan lebih saintifik.

Kajian kuantitatif lebih menghuraikan data melalui statistik dan berfokus menjawab persoalan kajian dalam sesuatu penyelidikan yang dihasilkan supaya eviden yang diperolehi dapat dibuktikan melalui data yang dianalisis.

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru bahasa Iban di Sekolah Kebangsaan di daerah Kanowit, Sarawak. Jumlah populasi yang terlibat iaitu 35 orang guru. Walaubagaimanapun, kajian tidak melibatkan guru-guru di sekolah SJK (C) di daerah Kanowit. Berikut adalah jadual menunjukkan populasi yang terlibat di dalam kajian ini.

Jadual 1
Populasi Responden

Bil	Sekolah	Jumlah Guru
1	Sk Nanga Jagau	1
2	Sk Nanga Nirok	1
3	SK Nanga Ngungun	6
4	SK Nanga Ngemah	1
5	Sk Nanga Dap	2
6	SK Nanga Poi	2
7	SK Ulu Poi	1
8	SK Nanga Menalun	1
9	SK Nanga Majau	1
10	SK Batu Luking	1
11	SK Rantau Kemiding	1

12	SK Nanga Lipus	1
13	SK Ulu Ranan	2
14	SK St Francis Xavier	2
15	SK Nanga Machan	2
16	SK Nanga Tada	2
17	SK Nanga Balingiau	2
18	SK Sengayan	2
19	SK Nanga Jih	2
20	SK Nanga Jagoi	2
21	SK Ulu Machan	1
22	SK Rantau Dilang	2
Jumlah Populasi		38

Lokasi Kajian

Kajian ini akan dijalankan di Sekolah-sekolah Kebangsaan dalam daerah Kanowit, Sibu, Sarawak sahaja dan tidak melibatkan sekolah di luar daerah Kanowit. Sekolah yang dipilih juga adalah Sekolah Kebangsaan (SK) dan tidak melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Instrumen Kajian

Instrumen Kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah menggunakan soal selidik yang telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajian yang lepas. Jadual di bawah menunjukkan Pembahagian item soal selidik adalah item dalam instrumen yang telah dibina dan ia mengandungi elemen Model Penerimaan Teknologi Davis (TAM) Davis (1989)

Jadual 2
Agihan Item Dalam Instrumen Kajian

Bil	Bahagian	Item Soal Selidik	Jumlah Soalan
1	Bahagian A	Demografi	9
2	Bahagian B	Maklumat Guru	5
3	Bahagian C	Kemahiran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Guru	8
4	Bahagian D	Perkakasan dan Kemudahan Teknologi Maklumat Komunikasi	10
5	Bahagian E	Kemanfaatan Google Classroom	7
6	Bahagian F	Kemudahgunaan Google Classroom	8
7	Bahagian G	Sikap Terhadap Google Classroom	6

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar di jalankan, kajian rintis perlu dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Nilai kebolehpercayaan diperolehi melalui hasil data yang dikumpul selepas soal selidik tersebut diberikan kepada sampel untuk menjawabnya. Seramai 30 orang guru yang dipilih secara rawak dan tidak terlibat dengan kajian ini. Dapatan kajian rintis telah dianalisis menggunakan

perisian SPSS. Setelah Borang Soal Selidik Kajian dikutip semula oleh penyelidik. Dapatan kajian rintis dipaparkan dalam jadual-jadual di bawah.

Jadual 3
Interpretasi Skor Kebolehpercayaan

Skor	Interpretasi
0.01 – 0.49	Nilai reliabiliti tidak diterima
0.5 – 0.64	Rendah
0.65 – 0.79	Sederhana
0.8 – 0.95	Tinggi
0.96 – 0.99	Sangat Tinggi

Sumber : Chan Yan Piaw (2006)

Jadual 3 di bawah, menerangkan tentang tahap kebolehpercayaan item soal selidik penggunaan google classroom dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah di daerah Kanowit, Sarawak. Sebanyak 53 item soal selidik yang terdiri daripada tujuh bahagian iaitu Bahagian A mengandungi soalan berbentuk Demografi, Bahagian B soalan berkaitan maklumat guru, Bahagian C mengandungi soalan berkaitan Kemahiran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Guru, Bahagian D mengandungi soalan berkaitan Perkakasan dan Kemudahan Teknologi Maklumat Komunikasi, Bahagian E mengandungi soalan berkaitan Kemanfaatan *Google Classroom*, Bahagian F mengandungi soalan berkaitan kemudahangunaan *Google Classroom* dan Bahagian G mengandungi soalan berkaitan sikap guru terhadap *Google Classroom*. Bagi item tahap kemanfaatan google Classroom, bacaan Cronbach's Alpha ialah .924 dan bagi item Kemudahangunaan *Google Classroom* pula ialah .804, dan bagi item Sikap Terhadap *Google Classroom* ialah .879. Oleh kerana bacaan Cronbach's Alpha ketiga-tiga item soal selidik E, F dan G adalah pada tahap tinggi, kesemua 53 item soalan soal selidik diterima dan tiada satupun digugurkan.

Rajah 3. Tahap Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Penggunaan Teknologi “Google Classroom” Dalam Kalangan Guru Bahasa Iban Sekolah Rendah

Item	Cronbach Alpha	Bil. Item Asal	Bil. Item Gugur	Bil. Item Baharu	Tahap Kebolehpercayaan Item Soal Selidik
1. Demografi	-	9	0	9	-
2. Maklumat Guru	-	5	0	5	-
3. Kemahiran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Guru	-	8	0	8	-
4. Perkakasan dan Kemudahan Teknologi Maklumat Komunikasi	-	10	0	10	-

5. Kemanfaatan Google Classroom	0.924	7	0	7	Tinggi
6. Kemudahan Google Classroom	0.804	8	0	8	Tinggi
7. Sikap Terhadap Google Classroom	0.879	6	0	6	Tinggi
JUMLAH		53	0	53	

Prosedur Pengumpulan Data

Aktiviti pengumpulan data, proses dimulakan dengan menghantar permohonan untuk mendapatkan surat kebenaran membuat kajian dari Bahagian Dasar dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan juga Guru Besar sekolah- sekolah yang terlibat.

Setelah surat kebenaran untuk menjalankan penyelidikan dari pihak-pihak berkenaan diperolehi, kajian diteruskan dengan mengedarkan soal selidik dalam bentuk Borang Google (*google form*) ke sekolah-sekolah yang terlibat melalui aplikasi aplikasi *Whatsapp* dan *Telegram*. Penerangan tentang borang soal selidik juga diberikan oleh penyelidik. Setelah kebenaran diterima dari sekolah-sekolah yang terlibat, tempoh seminggu diberikan kepada responden untuk menjawab soal selidik. Setelah seminggu, data akan dimuat turun melalui aplikasi google form dalam format excel dan diteliti serta disemak bagi memastikan responden menjawab mengikut kehendak soalan. Kesemua sekolah yang terlibat memberikan kerjasama yang baik. Sepanjang tempoh penyelidikan, pengkaji banyak merujuk kepada penyelia untuk mendapatkan pandangan, komen dan cadangan daripadanya bagi menghasilkan satu kajian penyelidikan ilmiah yang baik sebelum diserahkan untuk penilaian dan pemarkahan.

Prosedur Menganalisis Data.

Data-data yang telah diperolehi seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Versi 25.0. Bagi persoalan kajian 1 dan 2, data akan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif untuk mencari jumlah kekerapan, min dan sisihan piawai bagi setiap item tersebut. Manakala analisis menggunakan Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis apakah hubungan di antara di antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah (SK) di daerah Kanowit, Sarawak. Penyelidik menganalisis data menggunakan analisis seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4 dibawah:

Jadual 4
Analisis Data Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Hipotesis	Analisis
1	Tahap kemanfaatan dan kemudahan penggunaan <i>Google Classroom</i> dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah.		Frekuensi Min Sisihan Piawai

2	Tahap sikap guru terhadap penggunaan Google Classroom dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah.	Frekuensi Min Sisihan Piawai
3	Hubungan di antara di antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahan Google Classroom dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah.	HIPOTESIS Korelasi Pearson Nul (HO1)

Analisis Statistik Skor Min Deskriptif

Hasil analisis menggunakan perisian SPSS ini dianalisis dengan huraian deskriptif bagi mendapatkan kekerapan, peratus, min serta sisihan piawai bagi setiap bahagian dalam instrumen untuk mencapai keputusan terhadap objektif kajian yang telah ditetapkan. Objektif persoalan 1 iaitu, mengkaji tahap kemanfaatan dan kemudahan penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah (SK) di daerah Kanowit, Sarawak, serta objektif persoalan kajian 2 iaitu mengenalpasti tahap sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah (SK) di daerah Kanowit, Sarawak dianalisis menggunakan analisis deskriptif ini.

Borang soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu kaedah taburan kekerapan dan peratusan. Kaedah ini digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan jumlah bilangan responden berdasarkan setiap kategori latar belakang responden kajian. Soalan tertutup digunakan dalam soal selidik dengan skala likert yang memberikan pelbagai pilihan jawapan iaitu pilihan pernyataan berbentuk 1, 2, 3, dan 4 turut digunakan bagi item soal selidik yang melibatkan bahagian B dan bahagian C. Skala Likert merujuk kepada jadual 5 dibawah:

Jadual 5
Skala Likert Soal Selidik (Mohd Asri Harun et al.,2016)

Skala	Persetujuan
1	Amat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Setuju
4	Amat Setuju

Jadual Dapatan kajian ini juga dibentangkan dengan mudah dan jelas serta dipaparkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan pemahaman serta penghuraian yang lebih berkesan. Huraian analisis terhadap data serta maklumat yang diperolehi melalui kajian ini disusun oleh penyelidik mengikut susunan objektif kajian sepertimana yang telah ditetapkan dalam bab terdahulu.

Analisis Statistik Korelasi Pearson

Penyelidik menggunakan analisis korelasi Pearson bagi menguji hipotesis Nul kajian iaitu Ho1- tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah di

daerah Kanowit, Sarawak. Analisis ini digunakan bagi melihat sama ada terdapat hubungan diantara dua pemboleh ubah yang di kaji. Sekiranya analisis kajian memberi keputusan korelasi yang sangat lemah atau negatif, maka hipotesis kajian ini diterima dan begitu juga sebaliknya sekiranya terdapat hubungan yang sangat tinggi iaitu positif, maka hipotesis Nul tersebut ditolak. Pekali korelasi yang digunakan adalah berdasarkan jadual 6.

Jadual 6
Jadual Pekali Korelasi (Alias Baba,1997)

Pekali Korelasi	Tafsiran
kurang dari 0.20	korelasi yang amat lemah
0.20 hingga 0.40	korelasi yang lemah
0.41 hingga 0.70	korelasi yang sederhana
0.71 hingga 0.90	korelasi yang tinggi
0.91 hingga 1.00	korelasi yang sangat tinggi

Dapatan Kajian

Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Jantina)

Jadual 7 menunjukkan demografi kajian soal selidik berdasarkan dapatan item jantina. Dapatan responden melibatkan sebanyak 32 orang dengan jantina perempuan lebih tinggi iaitu 56.3% atau 18 orang berbanding responden lelaki seramai 14 orang atau 43.8% dalam kajian ini.

Jadual 7
Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Jantina)

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	14	43.8
Perempuan	18	56.3

(n=32)

Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Umur)

Jadual 8 menunjukkan demografi kajian soal selidik berdasarkan dapatan item kategori umur. Dapatan responden melibatkan sebanyak 32 orang dengan kategori umur 41-50 tahun lebih tinggi iaitu 37.5% atau 12 orang berbanding responden kategori umur 51-60 tahun hanya 4 orang atau 12.5% dalam kajian ini.

Jadual 8
Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Umur)

Umur	Frekuensi	Peratus (%)
25 hingga 30 Tahun	8	25.0
31 hingga 40 Tahun	8	25.0
41 hingga 50 Tahun	12	37.5
51 hingga 60 Tahun	4	12.5

(n=32)

Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Sekolah)

Jadual 9 menunjukkan demografi kajian soal selidik berdasarkan dapatan item kategori sekolah. Dapatan responden dalam kajian ini melibatkan sebanyak 32 orang dengan 100 % terdiri daripada lokasi sekolah di luar bandar.

Jadual 9
Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Sekolah)

Sekolah	Frekuensi	Peratus(%)
Bandar	0	0
Luar Bandar	32	100

(n=32)

Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (pengalaman mengajar Bahasa Iban)

Jadual 10 menunjukkan demografi kajian soal selidik berdasarkan dapatan item pengalaman mengajar. Dapatan responden melibatkan sebanyak 32 orang dengan pengalaman mengajar 1 hingga 3 tahun lebih tinggi iaitu 31.3% atau 10 orang berbanding responden pengalaman melebihi 10 tahun hanya 6 orang atau 18.8% dalam kajian ini.

Jadual 10
Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Pengalaman Mengajar Bahasa Iban)

Pengalaman mengajar	Frekuensi	Peratus (%)
1 hingga 3 Tahun	10	31.3
3 hingga 5 Tahun	8	25.0
6 hingga 10 Tahun	8	25.0
Melebihi 10 Tahun	6	18.8

(n=32)

Jadual 11:
Interpretasi Skor Min Skala Likert Empat Mata

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 1.50	Sangat Rendah
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.00	Tinggi

(Mohd Asri Harun et al. 2016)

Dapatan Soalan Kajian 1: Apakah Tahap Kemanfaatan Dan Kemudahan Penggunaan Google Classroom Dalam Kalangan Guru Bahasa Iban Sekolah Rendah Kebangsaan.

Jadual 11 menunjukkan Analisis kajian Tahap kemanfaatan Google Classroom dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah di daerah Kanowit. Dapatan keseluruhan soal selidik kajian ini menunjukkan purata min = 2.77 dan sisihan piawai = .703 dan berada pada tahap sederhana. Hasil analisis mendapati nilai min Item 4 bagi Kemanfaatan menunjukkan min yang paling tinggi iaitu Google Classroom meningkatkan kecekapan saya sebagai seorang guru Bahasa Iban.

Bagi item kedua tertinggi ialah Item 1 dengan nilai min = 2.91 (*Google Classroom* dapat membantu saya dalam pengajaran matapelajaran Bahasa Iban). Bagi item ketiga tertinggi pula ialah item Item 2 dengan nilai min = 2.88 (*Penggunaan Google Classroom* memudahkan urusan saya sebagai guru).

Manakala, bagi Item 6 (Saya dapat menyemak semua tugas yang telah diberikan kepada murid melalui *Google Classroom*) yang merupakan nilai min terendah yang diperolehi iaitu min = 2.63 berbanding kesemua tujuh item Kemanfaatan *Google Classroom*. Seterusnya, Bagi pembolehubah Kemudahan *Google Classroom* pula, item 6 (Saya dapat menggunakan *Google Classroom* melalui telefon pintar) mendapat min tertinggi iaitu min = 3.09 dan berada pada tahap sederhana. Bagi item kedua tertinggi pula ialah item 1 (*Google Classroom* mudah digunakan) dengan min = 2.97. Bagi item ketiga tertinggi pula ialah item 4 (Sistem navigasi *Google Classroom* mudah difahami) dengan min = 2.91. Item yang mendapat min terendah bagi pembolehubah kemudahan google classroom ialah item 7 (Saya tidak perlu memberi penerangan kepada murid mengenai cara-cara menggunakan *Google Classroom*) dengan min = 1.97 berbanding dengan lapan item yang lain.

Keseluruhannya, nilai purata min dan sisihan piawai Kemanfaatan dan Kemudahan google classroom berada pada tahap yang sederhana sahaja dengan kesemua item mendapat nilai min kurang daripada 3.51.

Jadual 12
Analisis Tahap Kemanfaatan dan Kemudahan Google Classroom Dalam Kalangan Guru Bahasa Iban Sekolah Rendah Kebangsaan?

Guru Bahasa Iban Sekolah Rendah Rosag Sgany									
Bil	TAHAP KEMUDAHGUNAAN CLASSROOM	KEMANFAATAN DAN GOOGLE	1	2	3	4	Min	S.P	Tahap
			ATS (%)	TS (%)	S (%)	AS (%)			
KEMANFAATAN									
1	Google Classroom dapat membantu saya dalam pengajaran matapelajaran Bahasa Iban		0 (0.0)	8 (25.0)	19 (59.4)	5 (15.6)	2.91	0.641	Sederhana
2	Penggunaan Google Classroom memudahkan urusan saya sebagai guru.		1 (3.1)	9 (28.1)	15 (46.9)	7 (21.9)	2.88	0.793	Sederhana
3	Semua topik Bahasa Iban sesuai diajar dengan menggunakan Google Classroom.		0 (0.0)	15 (46.9)	13 (40.6)	4 (12.5)	2.66	0.701	Sederhana
4	Google Classroom meningkatkan kecekapan saya sebagai seorang guru Bahasa Iban		1 (3.1)	6 (18.8)	18 (56.3)	7 (21.9)	2.97	0.740	Sederhana
5	Saya dapat mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran melalui Google Classroom		0 (0.0)	10 (31.3)	18 (56.3)	4 (12.5)	2.81	0.644	Sederhana

6	Saya dapat menyemak semua tugas yang telah diberikan kepada murid melalui Google Classroom.	2 (6.3)	10 (31.3)	14 (43.8)	6 (18.8)	2.63	0.833	Sederhana
7	Saya dapat membuat proses Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) dengan merujuk hasil kerja murid di Google Classroom.	2 (6.3)	10 (31.3)	14 (43.8)	6 (18.8)	2.75	0.842	Sederhana
KEMUDAHGUNAAN								
1	Google Classroom mudah digunakan.	0 (0.0)	8 (25.0)	17 (53.1)	7 (21.9)	2.97	0.695	Sederhana
2	Saya tidak mengambil masa yang lama untuk mempelajari penggunaan Google Classroom.	0 (0.0)	10 (31.3)	17 (53.1)	5 (15.6)	2.84	0.677	Sederhana
3	Saya tidak memerlukan kursus atau latihan tentang cara menggunakan Google Classroom.	3 (9.4)	14 (43.8)	12 (37.5)	3 (9.4)	2.47	0.803	Sederhana
4	Sistem navigasi Google Classroom mudah difahami	0 (0.0)	8 (25.0)	19 (59.4)	5 (15.6)	2.91	0.641	Sederhana
5	Paparan antara muka (<i>interface</i>) Google Classroom tidak mengelirukan.	0 (0.0)	8 (25.0)	21 (65.6)	3 (9.4)	2.84	0.574	Sederhana
6	Saya dapat menggunakan Google Classroom melalui telefon pintar.	0 (0.0)	3 (9.4)	23 (71.9)	6 (18.8)	3.09	0.530	Sederhana
7	Saya tidak perlu memberi penerangan kepada murid mengenai cara-cara menggunakan Google Classroom.	10 (31.3)	13 (40.6)	9 (28.1)	0 (0.0)	1.97	0.782	Rendah
8	Saya boleh memberi tugas, menyemak dan memberi markah di Google Classroom dengan mudah.	0 (0.0)	10 (31.3)	18 (56.3)	4 (12.5)	2.81	0.644	Sederhana
PURATA						2.77	0.703	Sederhana
(N=32)								

Dapatan Soalan Kajian 2: Tahap Sikap Guru Terhadap Penggunaan Google Classroom Dalam Kalangan Guru Bahasa Iban Sekolah Rendah Kebangsaan.

Jadual 12 menunjukkan analisis kajian sikap guru Bahasa Iban sekolah rendah terhadap penggunaan Google Classroom. Dapatan keseluruhan soal selidik kajian menunjukkan min purata = 2.83 dan sisihan piawai = .645 pada tahap sederhana. Nilai item tertinggi ialah Item 2 iaitu min = 3.13 (Saya menyokong penggunaan Google Classroom dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan). Item kedua tertinggi ialah item 5 iaitu min = 3.03 (Saya yakin penggunaan Google Classroom dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi pelajaran).

Seterusnya bacaan min yang terendah daripada kesemua enam bacaan nilai item soal selidik sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam Kalangan Guru Bahasa Iban Sekolah Rendah Kebangsaan ialah item 1 (Saya kerap menggunakan Google Classroom sebagai medium pengajaran dan pemudahcaraan) iaitu nilai min 2.47, sisihan piawai = .671.

Secara keseluruhannya, dapatan Analisis nilai min dan sisihan piawai sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam Kalangan Guru Bahasa Iban Sekolah Rendah

Kebangsaan adalah pada tahap sederhana dan boleh dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Jadual 13
Tahap Sikap Guru Terhadap Penggunaan Google Classroom Dalam Kalangan Guru Bahasa Iban Sekolah Rendah Kebangsaan

Bi I	SIKAP GURU CLASSROOM	TERHADAP GOOGLE	1 AT S (%)	2 TS (%)	3 S (%)	4 AS (%)	Mi n	S.P	Tahap
1	Saya kerap menggunakan Google Classroom sebagai medium pengajaran dan pemudahcaraan.		2 (6.3)	14 (43.8)	15 (46.9)	1 (3.1)	2.47	0.67 1	Sederhan a
2	Saya menyokong penggunaan Google Classroom dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan.		0 (0.0)	2 (6.3)	24 (75.0)	6 (18.8)	3.13	0.49 2	Sederhan a
3	Penggunaan Google Classroom tidak membebankan tugas saya sebagai guru.		0 (0.0)	11 (34.4)	17 (53.1)	4 (12.5)	2.78	0.65 9	Sederhan a
4	Saya memilih untuk menggunakan Google Classroom berbanding pelantar pembelajaran yang lain.		2 (6.3)	10 (31.3)	17 (53.1)	3 (9.4)	2.66	0.74 5	Sederhan a
5	Saya yakin penggunaan Google Classroom dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi pelajaran.		1 (3.1)	4 (12.5)	20 (62.5)	7 (21.9)	3.03	0.69 5	Sederhan a
6	Saya yakin penggunaan Google Classroom dapat meningkatkan pencapaian akademik murid.		1 (3.1)	5 (15.6)	23 (71.9)	3 (9.4)	2.88	0.60 9	Sederhan a
PURATA							2.83	0.64 5	Sangat Tinggi

(n=32)

Dapatan Soalan Kajian 3: Analisis Statistik Inferensi (Korelasi Pearson) (Hubungan Antara Sikap Guru Dengan Tahap Kemanfaatan Dan Kemudahgunaan Google Classroom Dalam Kalangan Guru Bahasa Iban Sekolah Rendah Kebangsaan).

Jadual 13 menunjukkan dapatan kajian bagi hubungan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahgunaan Google Classroom dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah Kebangsaan. Analisa Korelasi Pearson menunjukkan nilai pekali $r = 0.640$. Ini menunjukkan hubungan positif sederhana yang signifikan wujud di antara kedua-dua pemboleh ubah. Bagi nilai signifikan pula, $p = 0.001$ ($p < 0.01$) adalah lebih kecil dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01. Oleh yang demikian, terdapat hubungan positif sederhana yang signifikan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahgunaan Google Classroom dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah Kebangsaan.

Jadual 14
Analisis Korelasi

KORELASI		
		Sikap guru terhadap penggunaan Google Classroom dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah Kebangsaan.
Kemanfaatan dan Kemudahan Google Classroom Dalam Kalangan Guru Bahasa Iban Sekolah Rendah Kebangsaan.	Korelasi Pearson	.640**
	Sig. (2-hujung)	0.001

** Signifikan pada aras 0.01 level (2-hujung).

Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban di sekolah rendah kebangsaan. Analisis Korelasi Pearson yang dijalankan menunjukkan nilai pekali $r = 0.640$, menandakan hubungan positif sederhana yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah. Nilai signifikan $p = 0.001$ ($p < 0.01$) membuktikan hubungan ini adalah signifikan secara statistik pada aras keertian 0.01. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu seperti yang dilaporkan oleh Nawi et al. (2020) dan Chai & Lim (2021) yang menunjukkan bahawa sikap positif guru terhadap teknologi pendidikan memberi kesan langsung kepada tahap keberkesanan penggunaannya di bilik darjah. Guru yang mempunyai keyakinan dan penerimaan tinggi terhadap *Google Classroom* lebih cenderung memanfaatkannya secara optimum untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Secara keseluruhan, kajian ini mengesahkan bahawa sikap guru memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kemanfaatan dan kemudahan platform pembelajaran digital, khususnya *Google Classroom*, dalam konteks pendidikan bahasa di sekolah rendah.

Dapatan analisis Jadual 12 menunjukkan tahap kemanfaatan dan kemudahan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah di daerah Kanowit adalah pada tahap sederhana, berdasarkan skor min keseluruhan yang diperoleh. Purata min keseluruhan bagi kemanfaatan ialah 2.77 dengan sisihan piawai 0.703.

Nilai min purata kemudahan juga menunjukkan tahap sederhana, di mana guru menunjukkan tahap penerimaan yang baik terhadap fungsi teknikal platform ini, namun masih menghadapi cabaran dalam pelaksanaannya. Item dengan Min Tertinggi: Item 6: "Saya dapat menggunakan *Google Classroom* melalui telefon pintar" Nilai ini menunjukkan keselesaan penggunaan peranti mudah alih dalam kalangan guru. Ini disokong oleh kajian Shahraneet et al. (2016). Item Kedua dan Ketiga Tertinggi: Item 1 dan 4: "Google Classroom mudah digunakan" dan "Navigasi mudah difahami" Disokong oleh kajian oleh Iftakhar (2016). Item dengan Min Terendah: Item 7: "Saya tidak perlu memberi penerangan kepada murid mengenai cara-cara menggunakan *Google Classroom*" (Min = 1.97) Kajian oleh Norazah et al. (2020) menyatakan bahawa pelajar sekolah rendah menghadapi kesukaran dalam mengakses dan memahami arahan dalam platform pembelajaran digital tanpa tunjuk ajar langsung.

Keseluruhannya, nilai purata min dan sisihan piawai bagi kemanfaatan dan kemudahan *Google Classroom* berada pada tahap sederhana, dengan semua item memperoleh min kurang daripada 3.51. Ini mencerminkan bahawa walaupun terdapat kesedaran dan penggunaan asas dalam kalangan guru Bahasa Iban di daerah Kanowit, namun masih banyak ruang untuk penambahbaikan dari aspek latihan, infrastruktur dan sokongan teknikal.

Dapatan analisis Jadual 13 menunjukkan purata min keseluruhan = 2.83 dan sisihan piawai = 0.645, yang berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa guru secara umumnya mempunyai sikap yang positif namun belum sepenuhnya proaktif dalam menggunakan *Google Classroom* sebagai alat bantu pengajaran.

Item dengan Min Tertinggi – Sokongan terhadap Penggunaan, Item 2: "Saya menyokong penggunaan *Google Classroom* dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan" (Min = 3.13). Dapatan ini menunjukkan guru secara mental dan sikap menyokong penggunaan teknologi ini walaupun mungkin belum sepenuhnya mengamalkannya secara aktif. Kajian oleh Teo (2011) menyatakan bahawa sikap positif terhadap teknologi pendidikan adalah faktor utama yang mendorong niat untuk menggunakannya. Item Kedua Tertinggi – Keyakinan terhadap Keberkesanan PdPc Item 5: "Saya yakin penggunaan *Google Classroom* dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi pelajaran" (Min = 3.03). Ini menunjukkan bahawa guru melihat nilai pedagogi *Google Classroom* dari aspek hasil pembelajaran murid. Dapatan ini disokong oleh Alias et al. (2020) yang menyatakan bahawa guru yang percaya teknologi boleh membantu pelajar memahami pelajaran dengan lebih baik lebih cenderung mengintegrasikan ICT dalam pengajaran mereka.

Item dengan Min Terendah – Kekerapan Penggunaan, Item 1: "Saya kerap menggunakan *Google Classroom* sebagai medium pengajaran dan pemudahcaraan" (Min = 2.47, SP = 0.671). Walaupun guru menyokong penggunaan *Google Classroom*, penggunaan sebenar masih rendah. Hal ini turut dilaporkan dalam kajian oleh Norazah et al. (2020), yang mendapati bahawa ramai guru menyatakan sokongan terhadap penggunaan teknologi, tetapi berdepan halangan dari segi latihan, masa, dan infrastruktur.

Secara keseluruhannya, sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* adalah sederhana. Walaupun mereka menyokong dan percaya terhadap manfaat platform ini dalam PdPc, namun kekerapan penggunaan masih rendah. Antara faktor yang boleh menjelaskan dapatan ini ialah:

- i). Kekangan masa untuk menyediakan bahan di *Google Classroom*.
- ii). Tahap literasi digital murid yang masih rendah, terutama di sekolah luar bandar.
- iii). Sokongan infrastruktur dan latihan yang belum menyeluruh.

Analisis Jaadual 14 korelasi Pearson dilakukan bagi mengenal pasti hubungan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah kebangsaan. Hasil analisis menunjukkan nilai pekali korelasi Pearson, $r = 0.640$, manakala nilai signifikan $p = 0.001$. Nilai ini adalah lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01 ($p < 0.01$), yang menunjukkan wujud hubungan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji.

Nilai pekali $r = 0.640$ menunjukkan bahawa hubungan tersebut berada pada tahap sederhana dan positif. Ini bermakna, semakin positif sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom*, semakin tinggi tahap kemanfaatan dan kemudahgunaan teknologi ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hubungan positif ini memberikan gambaran bahawa persepsi dan penerimaan guru terhadap teknologi memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana teknologi tersebut dapat dimanfaatkan. Penemuan ini selari dengan kajian oleh Davis (1989) melalui Model Penerimaan Teknologi (TAM) yang menyatakan bahawa sikap pengguna terhadap teknologi akan mempengaruhi penerimaan dan penggunaan teknologi tersebut. Sikap positif terhadap kemudahan penggunaan dan keberkesanan sesuatu teknologi meningkatkan kecenderungan pengguna untuk terus menggunakannya.

Kajian oleh Teo (2011) juga menyokong dapatan ini apabila mendapati bahawa sikap guru mempunyai korelasi yang signifikan dengan tahap penggunaan teknologi dalam bilik darjah. Dalam konteks guru Bahasa Iban di sekolah rendah kebangsaan, hubungan positif sederhana ini memberi implikasi bahawa usaha-usaha memperkukuhkan sikap guru terhadap teknologi boleh menyumbang kepada peningkatan penggunaan platform digital seperti *Google Classroom*. Latihan berterusan, sokongan pentadbiran, dan pemeraksanaan kompetensi digital guru merupakan langkah-langkah yang penting bagi memastikan platform ini digunakan secara optimum.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun hubungan yang wujud adalah pada tahap sederhana, namun ianya signifikan dan menunjukkan potensi besar untuk dipertingkatkan. Pihak sekolah dan pembuat dasar perlu memberi perhatian kepada aspek sikap guru sebagai faktor utama dalam kejayaan pelaksanaan teknologi pendidikan di sekolah-sekolah, khususnya dalam kalangan guru Bahasa Iban.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah di Daerah Kanowit berada pada tahap sederhana dari segi penggunaan, kemanfaatan, kemudahgunaan serta sikap guru terhadap teknologi ini. Nilai min keseluruhan yang direkodkan berada dalam julat sederhana ($\text{min} = 2.83$, $\text{SP} = 0.645$), menandakan bahawa guru belum sepenuhnya *mengintegrasikan Google Classroom* secara menyeluruh dalam PdPc harian mereka. Ini telah menunjukkan penerimaan yang baik terhadap integrasi teknologi ini dalam PdPc Bahasa Iban dan objektif telah dapat dicapai pada peringkat awal.

Walau bagaimanapun, sikap guru terhadap *Google Classroom* adalah positif, terutamanya berkaitan keyakinan terhadap keberkesanan platform ini dalam membantu pengajaran dan pembelajaran. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Yusof et al. (2021) yang mendapati bahawa guru yang mempunyai sikap positif terhadap teknologi lebih cenderung untuk menggunakannya secara berkesan dalam PdPc. Tambahan pula, Hashim & Yunus (2020) menyatakan bahawa tahap literasi teknologi dan sikap terbuka guru memainkan peranan penting dalam penerimaan platform digital seperti *Google Classroom*.

Dapatan analisis korelasi Pearson juga menunjukkan terdapat hubungan positif sederhana yang signifikan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahgunaan *Google Classroom* ($r = 0.640$, $p = 0.001$). Ini bermakna, semakin positif sikap guru, semakin tinggi persepsi mereka terhadap keberkesanan dan kebolehgunaan platform ini. Penemuan ini

konsisten dengan kajian oleh Tondeur et al. (2017) yang menekankan bahawa sikap guru merupakan antara penentu utama kejayaan integrasi teknologi dalam bilik darjah. Azizan et al. (2019) turut menyatakan bahawa kemudahan penggunaan dan persepsi keberkesanan akan meningkatkan motivasi guru untuk terus menggunakan platform seperti *Google Classroom*.

Namun begitu, tahap penggunaan yang agak rendah ($\text{min} = 2.47$) menunjukkan bahawa masih terdapat kekangan dari segi latihan, sokongan infrastruktur, atau kefahaman teknikal dalam kalangan guru. Ini turut disokong oleh kajian Ali & Norazah (2018) yang mendapati bahawa kurangnya latihan dan sokongan teknikal menjadi penghalang utama dalam pelaksanaan PdPc berasaskan teknologi di sekolah. Justeru, kajian ini mencadangkan agar pihak pentadbiran sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkukuhkan inisiatif latihan profesional, memberi sokongan berterusan, dan menyediakan kemudahan yang mencukupi bagi meningkatkan kesediaan serta keberkesanan guru dalam penggunaan teknologi seperti *Google Classroom*. Potensi untuk pengukuhan penggunaan teknologi dalam pendidikan amat besar sekiranya guru diberikan pendedahan dan sokongan yang mencukupi, selaras dengan usaha ke arah pendidikan abad ke-21.

Di samping itu, kajian ini dapat mengkaji tahap kemanfaatan dan kemudahgunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Iban sekolah rendah kebangsaan di daerah Kanowit. Dapatan menunjukkan kedua-dua aspek berada pada tahap sederhana dengan purata $\text{min} 2.77$. Hal ini menggambarkan bahawa guru mengiktiraf manfaat dan kemudahgunaan platform ini, walaupun masih terdapat ruang penambahbaikan dari segi sokongan dan latihan.

Dari segi sumbangannya terhadap akademik kajian ini dapat menambah data empirikal mengenai penggunaan teknologi pendidikan dalam konteks bahasa etnik minoriti, khususnya Bahasa Iban, yang sebelum ini kurang dikaji di Malaysia. Ia mengesahkan kesahan Model Penerimaan Teknologi (TAM) dalam konteks pengajaran bahasa ibunda di sekolah rendah luar bandar. Ia juga dapat memberi asas untuk kajian lanjutan berkaitan strategi pengajaran digital berasaskan budaya dan bahasa tempatan. Selain itu, kajian juga dapat memberi gambaran jelas kepada guru dan pentadbir sekolah tentang faktor yang mempengaruhi penerimaan dan keberkesanan penggunaan *Google Classroom* di mana ianya dapat menyediakan asas bagi pembangunan modul latihan pedagogi digital yang disesuaikan dengan keperluan guru bahasa ibunda, terutamanya di kawasan luar bandar dan menekankan keperluan sokongan teknikal dan penyediaan sumber pengajaran digital dalam bahasa Iban untuk meningkatkan keberkesanan PdPc.

Akhir sekali kajian ini dapat menyokong agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 dalam aspek transformasi pendidikan digital, khususnya bagi sekolah luar bandar dan dapat menyediakan data empirikal kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak untuk merangka intervensi dan dasar berkaitan pengajaran bahasa ibunda melalui platform digital. Ini akan menyumbang kepada usaha memelihara dan memartabatkan Bahasa Iban sebagai bahasa warisan melalui integrasi teknologi dalam pendidikan formal.

Penghargaan

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menganugerahkan Geran Jangka Pendek bagi menjayakan projek pendidikan ini.

Rujukan

- Afandi Ahmad. (2022,13 Mei). *Janganlah dianggap teknologi sebagaipengganti guru*. Bahan diakses pada 20 Mei 2022, daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/janganlah-dianggap-teknologi-sebagai-pengganti-guru-361111>
- Al-Maroofof, R. S., & Al-Emran, M. (2018). Students Acceptance of Google Classroom: An Exploratory Study Using PLS-SEM Approach. *Education and Information Technologies*.
- Alias, N., Zakaria, A. R., & Zainuddin, M. Z. (2020). Penggunaan Google Classroom dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Azizan, S. N., Noraini, I., & Ramli, N. H. (2019). Kemudahan dan Keberkesanan Penggunaan Google Classroom dalam Pengajaran. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 7(2), 15-22.
- Ali, N., & Norazah, N. (2018). Cabaran Integrasi Teknologi Digital dalam Pendidikan Rendah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 456–468.
- Hashim, H., & Yunus, M. M. (2020). Teachers' Attitudes and Challenges in Using Google Classroom for ESL Teaching. *Journal of Education and e-Learning Research*, 7(4), 408–414.
- Iftakhar, S. (2016). Google Classroom: What Works and How? *Journal of Education and Social Sciences*.
- Mustafa, M. H., Abdullah, A. H., & Abu, M. S. (2021). Cabaran Penggunaan Google Classroom dalam Kalangan Guru di Sekolah Pedalaman. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*.
- Norazah, M. N., Alias, N., & Mohd Nasir, N. (2020). Kendala Pelaksanaan Pembelajaran Digital di Sekolah Rendah: Perspektif Guru dan Ibu Bapa. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*.
- Lau, J.S.C., & Roslinda Rosli. (2020). Pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi guru Matematik sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11),71-84. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5il1.546>
- Salleh, S., Nordin, N., & Kamarulzaman, W. (2021). Model Integrasi Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Kajian Terhadap Guru Sekolah Rendah. *Journal of ICT in Education*.
- Sirajudin, M. & Dahlan, S. C. (2022). Keberkesanan Peta Pemikiran (i-THINK) Terhadap Mata Pelajaran Sejarah dalam kalangan Pelajar Tingkatan 2. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001328-e001328
- Teo, T. (2011). Factors influencing teachers' intention to use technology: Model development and test. *Computers & Education*.
- Tondeur, J., van Braak, J., Ertmer, P. A., & Ottenbreit-Leftwich, A. (2017). Understanding the Relationship Between Teachers' Pedagogical Beliefs and Technology Use in Education. *Computers & Education*, 75, 1-13.
- Yusof, M. A. M., Aziz, A. A., & Jamil, H. (2021). Sikap Guru terhadap Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1), 20-31.